

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1990/91

Mac/April 1991

ZSE 361/2 Geologi Gunaan

Masa : (2 jam)

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan : DUA dari Bahagian A dan DUA dari Bahagian B.
Kesemuanya wajib dijawab di dalam Bahasa Malaysia.

BAHAGIAN A

1. Sejumlah lembangan enapan diwujudkan oleh proses-proses tektonik keping. Bincang jenis-jenis lembangan yang boleh wujud dan juga gaya struktur yang lazim bagi tiap-tiap satu jenis lembangan. (100/100)

2. (a) Lakarkan kedudukan retakan dan kedudukan paksi lipatan yang diterbitkan bersama oleh suatu sistem tegasan di mana tegasan maksimum bertindak mengufuk mengikut arah utara-selatan. (25/100)

- (b) Ada empat jenis sesar asas. Apakah jenis-jenis sesar itu dan bagaimana kedudukan/orientasi tegasan maksimum, tegasan menengah dan tegasan minimum bagi tiap-tiap satu jenis sesar? (50/100)

- (c) Beri penjelasan ringkas tetapi lengkap mengenai perkara yang disenaraikan di bawah:
 - (i) struktur bunga yang menyertai sesar mendatar (5/100)
 - (ii) struktur rencong (en echelon) (5/100)
 - (iii) gambarajah keterikan-ketegasan (5/100)
 - (iv) diapir garam (5/100)
 - (v) struktur "rollover" (5/100)

3. Bincangkan kawalan struktur terhadap pembentukan longgokan bijih. (100/100)

BAHAGIAN B

4. (a) Jelaskan secara ringkas mengenai
- (i) Persekitaran
 - (ii) Fasies (20/100)
- (b) Bincangkan faktor-faktor utama yang menentukan corak persekitaran. (80/100)
5. Bincangkan mengenai ciri-ciri penting bagi pantai meso- dan mikro-pasang surut, dan corak fasies bagi persekitaran-persekitaran ini. (100/100)
6. Bincangkan ciri-ciri penting bagi model fasies kipas submarin. (100/100)

- ooo00ooo -